



ANALISIS KEGAGALAN EKSPEDISI PEMBUKAAN KOTA VIENNA TAHUN 1529M DAN 1683M

[ANALYSIS OF THE FAILURE IN THE EXPEDITION TO VIENNA IN 1529 AND 1683]

MUHAMMAD ALIF FITRI ABDUL HALIM¹ & ERMY AZZIATY ROZALI^{1*}

^{1*} Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: ermy@ukm.edu.my

Received: 15 December 2020

Accepted: 20 Januari 2021

Published: 6 Febuari 2021

Abstrak: Kejayaan Dawlah °Uthmaniyyah menawan kota Constantinople dari Empayar Byzantium pada tahun 1453M, membawa kepada usaha perluasan kuasa yang seterusnya untuk membuka sebuah lagi kota yang menjadi nadi bagi Dunia Kristian Eropah iaitu kota Vienna. Kota Vienna merupakan ibu kota bagi Empayar Roman Suci atau juga disebut sebagai Holy Roman Empire. Sepanjang sejarah Dawlah °Uthmaniyyah, terdapat sebanyak dua kali percubaan untuk menguasai kota tersebut. Kali pertama pada tahun 1529M yang diketuai oleh pemerintah ke-10 Dawlah °Uthmaniyyah iaitu Sultan Süleyman I dan kali kedua pula diketuai oleh Sadrazam Kara Mustafa Pasha pada tahun 1683M di era pemerintahan Sultan Mehmed IV. Sungguhpun sudah dua kali ekspedisi pembukaan kota tersebut dilancarkan, namun kedua-duanya gagal mencapai kejayaan. Hal ini menyebabkan pengkaji berusaha untuk menganalisis faktor yang membawa kepada kegagalan tersebut di dalam kajian ini. Bentuk kajian yang digunakan adalah berpandukan reka bentuk kajian kualitatif berbentuk kajian sejarah. Ia memerlukan pengkaji menyorot kembali semua maklumat sejarah yang telah lalu khususnya yang berkaitan dengan peristiwa tersebut. Selain itu, kajian ini juga berbentuk analisis deskriptif yang melibatkan unsur sebab-akibat dan tertumpu kepada kedua-dua ekspedisi pembukaan kota Vienna. Kaedah pengumpulan data pula adalah berdasarkan kepada kajian kepustakaan yang melibatkan sumber-sumber rujukan bertulis berbahasa Melayu, Inggeris dan Arab. Melalui kajian ini, dapat dinilai bahawa terdapat tiga aspek yang boleh dikaitkan dengan faktor kepada kegagalan ekspedisi ini. Pertama; aspek kepimpinan pasukan. Kedua; aspek kelengkapan perang. Ketiga; aspek strategi dan taktik peperangan. Akhir sekali, pengkaji mendapati akibat ketiga-tiga aspek ini gagal dipenuhi dalam setiap ekspedisi pembukaan kota Vienna inilah yang menyebabkan usaha Dawlah °Uthmaniyyah untuk menguasai kota Vienna gagal.

Kata kunci: Dawlah °Uthmaniyyah, Empayar Roman Suci, kota Vienna.

Abstract: The Ottoman's success in opening the city of Constantinople from the Byzantine Empire in 1453 resulted it's next territory expansion in order to open the 'heart of Christians Europe', the city of Vienna. Vienna was the capital of Holy Roman Empire. Bacsially, there were two expeditions launched by the Ottoman to open that city. The first time was in 1529 during the reign of the 10 th sultan, Sultan Süleyman I himself led his army towards Vienna. The second time was in 1683, led by Sadrazam Kara Mustafa Pasha during the reign of Sultan Mehmed IV. However, both expedition ended with failre. This brought the researcher to analyse the factors that led the failure in this research paper. This research used the qualitative methode with historical research based. The researcher need to flashback all the historical

information especially regarding this topic. Besides, this research also used a descriptive analysis method in order to define the cause – impact and focused on the both expedition launch by the Ottoman to open the city of Vienna. Regarding collecting the data, the researcher used literature review to extract the information needed from the written sources in Malay, English and Arabis languages. From this research, there are three aspects that can be concluded which related to this failure. Firstly; the leadership aspect. Second; the war equipment. Thirdly; the war strategy and technique. Finally, the researcher found that because of these three aspects failed to be fullfill by the Ottomans in both Vienna expeditions, caused them failed to open the city.

Keywords: The Ottoman Devlet, Holy Roman Empire, city of Vienna.

Cite This Article:

Muhammad Alif Fitri Abdul Halim & Ermy Azziaty Rozali. (2021). Analisis kegagalan ekspedisi pembukaan Kota Vienna tahun 1529M dan 1683M [Analysis of the failure in the expedition to Vienna in 1529 and 1683]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 50-65.

PENGENALAN

Dalam mempelajari sejarah, kemahiran menganalisis sesuatu peristiwa adalah amat penting bagi seseorang sejarawan. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Mu'nis (2001) yang mengatakan bahawa sejarah merangkumi peristiwa yang telah lalu, kini dan akan datang. Apabila kita mempelajari peristiwa silam, maka kita akan mendapati kita juga sedang mempelajari peristiwa kini dan yang akan datang. Dalam masa yang sama, Fawzi et.al (2009) telah mengemukakan tiga kriteria yang ada bagi sesuatu peristiwa yang dikatakan sebagai bersejarah iaitu pertama; fakta yang tepat dan benar. Kedua; penting dan bermakna. Ketiga; sebab dan akibat.

Maka, memandangkan peristiwa ekspedisi pembukaan kota Vienna oleh Dawlah °Uthmaniyyah pada tahun 1529M dan 1683M telah memenuhi ketiga-tiga kriteria di atas, maka layaklah ia untuk dikatakan sebagai suatu peristiwa bersejarah. Peristiwa ini telah dicatatkan oleh ramai sejarawan baik sejawaran °Uthmaniyyah mahupun sejarawan Barat yang sudah tentu sarat dengan pelbagai fakta. Selain itu, peristiwa ini sangat penting dan bermakna khususnya melibatkan situasi geopolitik Dawlah °Uthmaniyyah dan Empayar Roman Suci (Dinasti Habsburg) pada abad ke-16M dan abad ke-17M. Terakhir, sudah tentu kegagalan ekspedisi pembukaan ini berkait rapat dengan unsur sebab dan akibat. Ia merujuk kepada punca kepada kegagalan tersebut serta akibat yang terjadi susulan daripada kegagalan tersebut.

Menerusi artikel ini, pengkaji akan mulakan perbincangan dengan menerangkan secara ringkas tentang peristiwa ekspedisi pembukaan kota Vienna oleh Dawlah °Uthmaniyyah pada tahun 1529M dan tahun 1683M. Kemudian, pengkaji akan melakukan analisis terhadap faktor kegagalan bagi kedua-dua ekspedisi tersebut yang terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah faktor di dalam keupayaan manusia. Bahagian kedua ialah faktor di luar keupayaan manusia. Manakala, bagi bahagian yang pertama pula pengkaji akan membincangkan sebanyak tiga faktor. Pertama; faktor kepimpinan pasukan. Kedua; kelengkapan perang. Ketiga; strategi dan taktik peperangan. Bagi bahagian yang kedua pula hanya terdapat satu faktor sahaja iaitu faktor cuaca. Kemudian, berdasarkan faktor yang telah dianalisis itu, pengkaji akan menghuraikan pula dari sudut kaitannya dengan pemimpin,

material dan idea dalam usaha untuk mencapai kejayaan dalam hidup dan tidak lupa juga aspek kekuasaan Tuhan dalam perkara tersebut.

EKSPEDISI PEMBUKAAN KOTA VIENNA OLEH DAWLAH ʿUTHMANIYYAH

Sejarah Dawlah ʿUthmaniyyah telah mencatatkan pelbagai siri pembukaan dan peluasan wilayah yang cukup giat. Bermula dari wilayah asalnya iaitu di Anatolia (Asia Kecil) sehingga melangkaui benua Eropah, Asia dan Afrika. Menurut Ágoston (2019), dari abad ke-15 sehingga awal abad ke-18M, Dawlah ʿUthmaniyyah merupakan pemain penting dalam politik di benua Eropah. Ia merupakan satu-satunya kerajaan Islam yang mencabar kekuasaan Kristian Eropah ketika itu. Peluasan wilayah ʿUthmaniyyah pada abad ke-16M pula telah membentuk geopolitik yang baru di kawasan yang sangat luas meliputi Eropah Tengah dan Laut Mediterranean sehingga ke Syria, Mesir dan Iraq.

Namun begitu, kajian ini hanya akan memberikan tumpuan kepada peluasan kuasanya di benua Eropah khususnya dalam cubaan untuk menguasai ‘jantung Eropah’ (*the Heart of Europe*) yang telah dilakukan oleh Dawlah ʿUthmaniyyah sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1529M dan tahun 1683M. Menurut Emecen (2013), beliau menyatakan bahawa tarikh lengkap bagi cubaan pembukaan kota Vienna yang pertama ialah pada 27 September tahun 1529M. Ia bersamaan dengan lapan tahun setelah Sultan Süleyman I menaiki takhta iaitu pada 30 September tahun 1520M. Pengepungan pula dilakukan selama 17 hari iaitu sehingga 15 Oktober pada tahun yang sama. Bagi pengepungan yang kedua pula, Miller (2008) menyatakan bahawa ia berlaku pada 154 tahun selepas itu dan tepatnya pada 13 Julai tahun 1683M selama 56 hari sehingga 12 September tahun yang sama juga. Ia berlaku pada era pemerintahan Sultan Mehmed IV namun bukan baginda sendiri yang memimpin kempen tersebut seperti moyangnya Sultan Süleyman I.

Manakala, dari aspek pimpinan pasukan pula kita dapat melihat terdapat perbezaan bagi kedua-dua peristiwa pengepungan itu. Hal ini disebabkan oleh berlakunya penyerahan tampuk kepimpinan tentera daripada sultan kepada *sadrizam* yang memegang gelaran *serasker* bagi kempen ketenteraan kali kedua. Sultan Süleyman I (1520-1566M) memimpin sendiri pasukan tenteranya sehingga ke luar tembok kota Vienna pada tahun 1529M sebagaimana menurut Wheatcroft (2009). Sebaliknya, Stoye (2006) menyatakan bahawa dalam kempen kedua menuju kota Vienna, Sultan Mehmed IV (1648-1687M) hanya mengikuti rombongan tentera dari kota Istanbul hanya sehingga kota Belgrade sahaja. Di sini, pada 13 Mei 1683M sultan menyerahkan tugas sebagai ketua turus angkatan tentera atau disebut sebagai *serasker* kepada Kara Mustafa Pasha selaku *sadrizam* ketika itu. Ia di adakan dalam sebuah majlis rasmi di mana salah satu daripada tiga panji-panji Nabi Muhammad s.a.w telah diamanahkan kepada Kara Mustafa Pasha. Menurut Wheatcroft (2009), panji-panji tersebut serta barang-barang peninggalan Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat dipelihara dan disimpan oleh Dawlah ʿUthmaniyyah sejak pembukaan Mesir oleh Sultan Selim I pada tahun 1517M.

Tidak dapat dinafikan, dalam kedua-dua ekspedisi ketenteraan menuju kota Vienna melibatkan jumlah pasukan yang cukup besar sebagaimana kebiasaan dalam mana-mana kempen ketenteraan Dawlah ʿUthmaniyyah. Ellesmere (1879) menyatakan bahawa pada kempen ketenteraan kali pertama, Sultan Süleyman I sendiri mengetuai seramai 200,000 orang tentera menuju ke kota Vienna. Bukan itu sahaja, sebaik sahaja tiba di Mohács pasukan

tambahan seramai 6000 orang yang dihantar oleh raja Hungary yang dilantik °Uthmaniyyah iaitu John Zapolya pun tiba. Ia menjadikan jumlah keseluruhan tentera ketika itu 206,000 orang pasukan tentera kesemuanya. Bagi ekspedisi kedua pula menyaksikan jumlah tentera yang tidak sebesar ekspedisi yang pertama. Miller (2008) menyebut bahawa seramai 15 hingga 20,000 orang tentera bersama Kara Mustafa Pasha mengepung kota, 70,000 orang tentera sebagai pasukan simpanan dan bertindak melindungi pasukan pengepung dan seramai 25,000 orang tentera pula yang diketuai oleh Emeric Thököly menyerang kota-kota di pinggir Vienna seperti kota Pressburg. Seperti John Zapolya, Emeric Thököly juga merupakan raja Hungary yang diiktiraf oleh Dawlah °Uthmaniyyah dan berpihak kepadanya. Jumlah keseluruhan tentera ketika itu ialah lebih kurang 115,000 orang tentera dan masih tidak mampu menyamai bilangan tentera ketika ekspedisi pertama. Sungguhpun begitu, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan sejarawan tentang bilangan tentera °Uthmaniyyah bagi ekspedisi pertama dan kedua.

Hasil kedua-dua kempen tersebut adalah menghampakan. Kedua-duanya tidak berjaya sebagaimana yang disebutkan oleh Emecen (2013) dan Wheatcroft (2009). Kegagalan ekspedisi yang pertama misalnya telah mengorbankan seramai 15,000 orang tentera (Emecen 2013). Manakala dalam ekspedisi kedua pula telah mengorbankan seramai 25,000 orang tentera (Ellesmere 1879). Kegagalan ekspedisi ini sangat signifikan bagi Dunia Eropah dan khususnya bagi Dawlah °Uthmaniyyah sendiri. Pengkaji membahagikan impak kempen ketenteraan ini kepada dua iaitu impak jangka masa pendek dan impak jangka masa panjang.


Bagi impak jangka masa pendek, pengkaji melihat kegagalan penguasaan kota Vienna kali pertama sebagai mana menurut Emecen (2013) telah menandakan sempadan terjauh yang berjaya dikuasai oleh Dawlah °Uthmaniyyah di Eropah. Ágoston (2019) menyatakan bahawa wilayah selatan Hungary berjaya dikuasai oleh Sultan Süleyman I manakala John Zapolya yang bersekutu dengan Dawlah °Uthmaniyyah pula menguasai wilayah timur Hungary sebagai Raja Hungary yang baru. Bagi Raja Ferdinand yang dilantik oleh Empayar Roman Suci pula menguasai wilayah utara dan barat Hungary. Hungary yang pada asalnya memiliki kerajaan sendiri berakhir apabila raja terakhirnya iaitu Raja Louis II terbunuh dalam Peperangan Mohács pada 29 Ogos tahun 1526M menghadapi Sultan Süleyman I. Akibat daripada Raja Louis II tidak memiliki anak, maka, penguasaan terhadap wilayah Hungary pun dibahagi-bahagikan sebagaimana yang telah disebutkan.

Berbeza pula impak jangka masa pendek bagi kegagalan ekspedisi kedua. Kegagalan tersebut telah membuktikan bahawa kekuasaan Dawlah °Uthmaniyyah tidak lagi kuat seperti sebelum ini. Tercetus pula Peperangan Párkány yang melibatkan saki baki tentera °Uthmaniyyah yang dipukul mundur dari kota Vienna dipimpin oleh Kara Mehmed Pasha dengan tentera raja Poland John III Sobieski, Charles V, Duke of Lorraine dan Ernst Rüdiger von Starhemberg pada 7 sehingga 9 Oktober 1683M. Kemenangan dalam peperangan ini telah membolehkan tentera °Uthmaniyyah terus dipukul mundur sehingga akhirnya kota Esztergom jatuh ke tangan tentera musuh pada 22 Oktober 1683M (Miller 2008). Sejurus selepas kekalahan ekspedisi pengepungan kota Vienna, pada 25 Disember 1683M Kara Mustafa Pasha dihukum bunuh menerusi perintah daripada Sultan Mehmed IV. Hukuman dijalankan di kota Belgrade (Wheatcroft 2009).

Sungguhpun begitu, apa yang lagi penting ialah impak jangka masa panjang bagi kedua-dua peristiwa ini. Ia menunjukkan betapa besarnya peristiwa pengepungan kota Vienna ini baik bagi pihak Dawlah °Uthmaniyyah mahupun pihak Empayar Roman Suci. Bagi peristiwa

pengepungan kali pertama, pengkaji memetik pendapat yang dikeluarkan oleh Krause dan Sonnlechner (2018) yang menyatakan bahawa pasca pengepungan kota Vienna pada tahun 1529M, Empayar Roman Suci giat membina dan meningkatkan pertahanan kota bermula dari tahun 1531M sehingga kira-kira tahun 1564M. Wheatcroft (2009) pula menambah kesempatan yang diperoleh oleh Empayar Roman Suci akibat daripada pengganti Sultan Süleyman I yang tidak memberikan ancaman telah digunakan sebaik-baiknya. Melalui cukai-cukai baru yang diperkenalkan, projek naik taraf benteng pertahanan Vienna giat dijalankan sehingga pada tahun 1590an, kota Vienna menjadi salah satu kota yang kuat dilengkapi dengan pertahanan yang serba baru dan terkini. Mereka sedar bahawa kejayaan mereka menyelamatkan kota Vienna sebelum ini bukanlah disebabkan oleh kekebalan kubu Vienna dan kelemahan tentera Sultan Süleyman I tetapi disebabkan oleh faktor cuaca. Hujan yang turun dengan lebat dan diikuti dengan salji tebal telah menyebabkan kepungan ditamatkan serta merta (Wheatcroft 2009).

Kepungan terhadap kota Vienna sekali lagi dilakukan pada tahun 1683M. Namun, kegagalan kali ini telah memberikan impak yang begitu mendalam buat Dawlah °Uthmaniyyah khususnya. Menurut Miller (2008), kegagalan ekspedisi kedua ini telah menyebabkan satu persatu kota yang dikuasai oleh °Uthmaniyyah jatuh ke tangan musuh. Hal ini juga turut didorong oleh semangat tentera musuh yang telah berjaya menyelamatkan kota Vienna dan terus memukul mundur pasukan Dawlah °Uthmaniyyah. Antara kota penting yang jatuh ke tangan musuh ialah kota Buda (1686M), kota Harsány (1687M), kota Slankamen (1691M) dan kota Zenta (1697M). Semuanya berjaya dikuasai semula oleh Empayar Roman Suci dan Dawlah °Uthmaniyyah telah kehilangan kota tersebut buat selamanya. Ágoston (2010) pula menyebut tentang satu perjanjian yang telah mencorakkan semula garis persempadanan Dawlah °Uthmaniyyah – Empayar Roman Suci iaitu Perjanjian Karlowitz yang termeterai pada 26 Januari 1699M. Ia menandakan sebahagian besar wilayah kekuasaan Dawlah °Uthmaniyyah di Eropah Tengah kembali jatuh ke tangan Empayar Roman Suci sebagaimana yang ditunjukkan pada peta di bawah.



Peta 1 Eropah Tengah Sebelum Perjanjian Karlowitz.

Sumber: https://en.wikipedia.org/wiki/Treaty_of_Karlowitz (2019).



Peta 2 Eropah Tengah Selepas Perjanjian Karlowitz.

Sumber: https://en.wikipedia.org/wiki/Treaty_of_Karlowitz (2019).

ANALISIS FAKTOR KEGAGALAN

Bagi melakukan analisis terhadap kedua-dua peristiwa pengepungan kota Vienna yang dilakukan oleh Dawlah ‘Uthmaniyyah, pengkaji perlu merujuk kepada bahan-bahan yang menceritakan secara khusus tentang peristiwa tersebut. Namun, sehingga kini pengkaji telah menemui sebanyak empat buah karya yang ditulis khusus tentang peristiwa tersebut. Keempat-empat karya tersebut ada yang membincangkan percubaan yang pertama dan kedua dan ada juga yang hanya memfokuskan kepada percubaan yang kedua sahaja. Keempat-empat karya yang dimaksudkan itu adalah:

Jadual 1 Senarai Rujukan Khusus tentang Peristiwa Pengepungan Kota Vienna.

| Pengarang | Judul | Tahun terbit |
|-----------------------|---|--------------|
| The Earl of Ellesmere | <i>The Sieges of Vienna by the Turks</i> | 1879 |
| John Stoye | <i>The Siege of Vienna; The Last Great Trial between Cross & Crescent</i> | 2006 |
| Simon Millar | <i>Vienna 1683; Christian Europe Repels the Ottoman</i> | 2008 |
| Andrew Wheatcroft | <i>The Enemy at the Gate; Habsburg, Ottomans and the Battle for Europe</i> | 2009 |

Sumber: Pengkaji (2019).

Daripada empat karya di atas, hanya satu karya sahaja yang membincangkan perihal ekspedisi pembukaan kota Vienna kali pertama dan kedua iaitu karya the Earl of Ellesmere. Manakala baki tiga buah karya yang lain adalah tertumpu kepada ekspedisi pembukaan kali kedua sahaja. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kegagalan usaha Dawlah ^oUthmaniyyah untuk menguasai kota Vienna buat kali pertama (tahun 1529M) tidaklah begitu signifikan sebagaimana kegagalan ekspedisi yang kedua (tahun 1683M).

Sungguhpun begitu, berkenaan ekspedisi pembukaan kali pertama, ia banyak direkodkan di dalam karya-karya berkenaan biografi Sultan Süleyman I sahaja. Pengkaji tidak menemui karya selain karya The Earl of Ellesmere khusus tentang peristiwa tersebut. Karya biografi yang pengkaji gunakan ialah:

Jadual 2 Senarai Rujukan tentang Peristiwa Pengepungan Kota Vienna kali Pertama dalam Karya Biografi Sultan Süleyman I .

| Pengarang | Judul | Tahun terbit |
|--------------------------------|--|--------------|
| Feridun Emecen | <i>Sulaiman al-Qanuni Sultan al-Barraini wa al-Bahraini.</i> (Terjemahan dari bahasa Turki) | 2013 |
| André Clot | <i>Suleiman the Magnificent</i> (Terjemahan dari bahasa Perancis) | 2012 |
| M. Mehdi İlhan dan Yaşar Yücel | <i>Sultan Suleyman the Grand Turk.</i> | 1991 |

Sumber: Pengkaji (2019).

Sungguhpun kota Vienna gagal dikuasai pada era pemerintahan Sultan Süleyman I , Dawlah ^oUthmaniyyah masih lagi menjadi pemain politik di benua Eropah dan menjadi satu-satunya kerajaan Islam yang mampu mencabar kekuasaan Kristian Eropah (Ágoston 2019).

Namun, kegagalan percobaan yang kedua telah memberikan dampak yang cukup besar kepada perubahan geopolitik Eropa ketika itu dalam keadaan Dawlah ‘Uthmaniyyah sudah semakin melemah. Wheatcroft (2009) ketika menggambarkan situasi pasca percobaan pertama Dawlah ‘Uthmaniyyah untuk menguasai kota Vienna menyatakan:

The shock of Mohács and the siege of Vienna, coming so close together in time. Created a sense of Ottoman invincibility. In the west, terror at their huge armies and fear of their merciless savagery was spread through books, pamphlets and news-sheets, while the printing presses produced series after series of graphic and horrifying images.

Berkenaan betapa signifikannya kegagalan Dawlah ‘Uthmaniyyah ketika cubaan kali kedua untuk menguasai kota Vienna, Miller (2008) menjelaskan:

The success of the Vienna campaign focused Leopold I's attention on his eastern front and what was become known as the Great Turkish War continued with successes at Buda (1686), Harsány (1687), Slankamen (1691) and Zenta (1697) and with setbacks too, until the Treaty of Karlowitz was signed in 1699. However, the struggle against the Ottomans would continue into the 18th century, but they would never threaten the Austrian capital again.

Terdapat tiga faktor yang telah membawa kepada kegagalan ekspedisi pembukaan tersebut buat kali yang pertama dan kali yang kedua. Pertama; faktor kepemimpinan pasukan. Kedua; faktor kelengkapan perang. Ketiga; faktor strategi dan taktik peperangan. Tambahan pula, pengkaji mendapati bahawa kelompongan salah satu daripada tiga faktor tersebut telah menyebabkan kegagalan kepada kedua-dua ekspedisi tersebut. Hal ini bermakna, seandainya ketiga-tiganya dapat dipenuhi, maka tidak mustahil ekspedisi pembukaan kota Vienna ini akan membuahkan hasil dan menjadi sebahagian daripada wilayah Dawlah ‘Uthmaniyyah. Walaubagaimanapun, pengkaji ingin sertakan juga faktor yang keempat yang juga merupakan faktor tambahan kepada punca kegagalan ekspedisi pertama iaitu faktor cuaca. Pada akhir perbincangan subtopik ini akan membawa kepada kesimpulan betapa perlunya usaha manusia dan dalam masa yang sama tidak dapat lari daripada kekuasaan Tuhan.

Faktor Kepimpinan Pasukan

Aspek kepemimpinan pasukan merupakan satu unsur yang penting dalam menjayakan sesuatu kempen ketenteraan. Ia merujuk kepada keupayaan dan kredibiliti pemimpin pasukan dalam mengetuai satu-satu ekspedisi ketenteraan. Apabila kita menganalisis faktor ini dalam peristiwa pengepungan kota Vienna yang pertama, kita mendapati bahawa faktor ini tidaklah menjadi penyebab kepada kegagalan pengepungan tersebut. Hal ini disebabkan oleh kepemimpinan pasukan ketika itu berada di bawah Sultan Süleyman I. Seorang sultan Dawlah ‘Uthmaniyyah yang tidak lagi diragukan akan kredibilitinya. Hal ini sebagaimana yang diungkapkan oleh Ellesmere (1879), Sultan Süleyman I merupakan seorang yang tidak menggemari sesuatu

kemenangan yang diperolehnya dengan mudah. Beliau memiliki suatu wawasan yang besar iaitu untuk menguasai Barat sebagaimana nenek moyangnya telah berjaya menguasai Timur.

Namun, sebaliknya pula ketika ekspedisi kali kedua. Ketika itu, Dawlah °Uthmaniyyah sudah tidak sekuat dahulu dan Sultan Mehmed IV sendiri tidak lagi memimpin pasukan tenteranya secara langsung sehingga ke medan perang. Baginda bahkan menyerahkan tugas tersebut kepada Sadrazam Kara Mustafa Pasha dan memberikan jawatan *serasker* kepadanya iaitu panglima tertinggi angkatan perang (Miller 2008). Lebih menyedihkan lagi, sebagai *sadrazam*, Kara Mustafa Pasha merupakan seorang pemimpin yang lemah. Beliau tidak memiliki kebijaksanaan dan perancangan yang baik sebagaimana pendahulu beliau iaitu Köprülü Mehmed Pasha. Hal ini bertambah jelas sekali apabila beliau bersikap tidak mahu mendengar pandangan mereka yang lebih berpengalaman dalam menghadapi pasukan musuh (Wheatcroft 2009). Hal ini jelas menunjukkan bahawa aspek kepemimpinan pasukan merupakan salah satu faktor yang menjejaskan usaha untuk menjadikan Vienna sebagai sebuah kota °Uthmaniyyah.

Faktor Kelengkapan Perang

Aspek material atau juga kelengkapan perang juga memainkan peranan yang penting. Ia melibatkan kekuatan peralatan dan persenjataan yang digunakan untuk peperangan. Melalui pengkajian yang dilakukan, terdapat beberapa perkara yang boleh diketengahkan yang berkait dengan faktor ini.

Umumnya, kelengkapan perang menjadi isu yang besar dialami oleh Sultan Süleyman I dan bala tenteranya ketika mengepung kota Vienna. Wheatcroft (2009) menyatakan bahawa pasukan tentera °Uthmaniyyah ketika itu kekurangan dari segi kelengkapan pengepungan yang terdiri daripada artileri berat. Namun, paling jelas adalah kekurangan pelombong dan peralatan melombong bagi menggali terowong bawah tanah. Bukan itu sahaja, Emecen (2013) pula senada dengan Wheatcroft yang menyentuh tentang tahap kesediaan pasukan tentera °Uthmaniyyah untuk menghadapi fenomena alam seperti hujan lebat dan musim sejuk. Akhirnya membantutkan usaha pengepungan dan sekaligus melemahkan moral pasukan. Cuaca buruk bukan sahaja menjejaskan pasukan tentera yang sedang mengepung kota bahkan juga menjejaskan proses penghantaran senjata berat ke medan perang (André 2005). Akhirnya, ketiadaan senjata berat menyukarkan proses memecahkan tembok kota. İlhan dan Yücel (1991) pula menambah dengan menyebut bahawa punca kepada kekurangan bekalan tersebut adalah disebabkan oleh kapal-kapal °Uthmaniyyah yang membawa bekalan tersebut menerusi Sungai Danube telah ditenggelamkan oleh musuh.

Sebaliknya pula berlaku bagi ekspedisi kedua pengepungan kota Vienna. Aspek kelengkapan dan persenjataan ketika itu adalah cukup cumanya Wheatcroft (2009) ketika mengulas hal ini mengatakan bahawa sistem ketenteraan yang diamalkan oleh Dawlah °Uthmaniyyah ketika itu sudah lapuk dan masih lagi mewarisi sistem ketenteraan era Sultan Mehmed II dan Sultan Süleyman I. Berkenaan dengan kecukupan peralatan dan kelengkapan ketenteraan, Miller (2008) juga menyokong hal ini. Beliau menceritakan bagaimana pasukan artileri °Uthmaniyyah boleh menembak dengan bertalu-talu ke arah tembok kota Vienna sedangkan sasarannya tidaklah begitu tepat. Beliau menyatakan betapa banyaknya bahan peledak yang dimiliki oleh pasukan °Uthmaniyyah ketika itu sehingga tidak kisah ianya

dibazirkan begitu sahaja. Selain itu, catatan Ellesmere (1897) juga membuktikan hal ini. Beliau menceritakan betapa banyaknya letupan bawah tanah yang telah dihasilkan oleh pasukan penggali °Uthmaniyyah. Jumlah letupan sebegitu tidak mungkin dapat dilakukan sekiranya tidak memiliki serbuk peledak yang begitu banyak sekali.

Melalui kedua-dua siri pengepungan tersebut, dapatlah kita ketahui bahawa ketika pengepungan kali pertama, pasukan tentera °Uthmaniyyah memiliki kekurangan dari sudut kelengkapan dan persenjataan perang. Sebaliknya, hal ini tidak pada ekspedisi kali kedua yang mana pasukan °Uthmaniyyah memiliki peralatan dan persenjataan yang cukup untuk mengepung kota.

Faktor Strategi dan Taktik Peperangan

Faktor terakhir yang pengkaji ingin ketengahkan dalam analisis ini ialah faktor strategi dan taktik peperangan. Ia melibatkan sejauh mana keupayaan dan kemampuan dalam merancang strategi yang terbaik khususnya melibatkan peristiwa pengepungan kota Vienna.

Bagi pengepungan kali pertama, pengkaji mendapati bahawa strategi dan taktik peperangan tidak menjadi keutamaan di pihak Dawlah °Uthmaniyyah. Hal ini dapat dilihat sebagaimana keterangan yang diberikan oleh Dahlan (1997) yang mengatakan bahawa kota Vienna bukanlah menjadi tujuan utama ekspedisi tetapi tujuan utamanya adalah untuk mengembalikan semula kota Buda di Hungary yang kembali dikuasai oleh tentera Kristian. Ditambah pula dengan keterangan oleh Emecen (2013) yang menyatakan bahawa Sultan Süleyman I sendiri merasakan tidak ada keperluan yang mendesak untuk menguasai kota Vienna memandangkan wilayah Hungary yang baru dikuasainya masih belum stabil lagi. Berdasarkan dua keterangan ini, jelaslah mengapa usaha untuk menguasai kota tersebut tidak begitu bersungguh-sungguh dilakukan dan tiada apa yang dapat dilihat segi strategi dan taktik peperangan.

Sekali lagi Dahlan (1997) menerusi keterangannya mengatakan bahawa terdapat kekurangan dari aspek kedudukan kem tentera °Uthmaniyyah itu sendiri ketika itu. Hal ini disebabkan oleh kawasan kem tentera telah dinaiki air Danube yang melimpah akibat hujan yang lebat dan perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat kekurangan persiapan dari segi strategi dan taktik peperangan. Walaubagaimanapun, André (2005) menerusi catatannya pula menunjukkan bahawa terdapat perancangan dari Sultan Süleyman I sendiri yang menasaskan agar kota Vienna dibuka sebelum tibanya musim sejuk. Namun, akibat daripada cuaca yang semakin buruk, strategi tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Sebaliknya pula bagi peristiwa pengepungan kedua, pengkaji telah menemui sebanyak lima bentuk kekurangan dari segi strategi dan taktik peperangan di pihak Dawlah °Uthmaniyyah ketika pengepungan dijalankan. Pertama, telah berlaku perselisihan pendapat antara Kara Mustafa Pasha dan Murad Giray (Khan Empayar Crimea yang bersekutu dengan Dawlah °Uthmaniyyah). Kara Mustafa Pasha mahu mengepung kota Vienna terus dengan alasan bahawa beliau memiliki maklumat perisikan yang dipercayai. Sebaliknya, Murad Giray tidak bersetuju dan mencadangkan agar menguasai kota Győr dan Komárom, menguasai wilayah pinggir Austria dan kemudiannya menghadapi musim sejuk di Hungary. Pada musim panas hadapan barulah mengepung kota Vienna. (Stoye 2006). Kedua, ketika sudah berada di luar kota Vienna, Kara Mustafa Pasha tidak memanggil Ibrahim Pasha (Gabenor kota Buda) yang

lebih berpengalaman dalam selok belok kawasan di Hungary untuk menghadiri mesyuarat bersama pimpinan pasukan (Stoye 2006).

Ketiga, pasukan artileri °Uthmaniyyah digunakan secara tidak efisien. Kedudukan meriam yang begitu jauh menyebabkan tembakan ke arah tembok kota tidak memberikan kesan sangat dan menjadikan tembakan tersebut sia-sia (Miller 2008). Keempat, kawasan bukit Kahlenberg tidak dikuasai oleh tentera °Uthmaniyyah menyebabkan kawasan tersebut berjaya dimanfaatkan oleh pasukan *Holy Alliance* yang diketuai oleh Raja John III Sobieski untuk menyerang kem tentera °Uthmaniyyah dari atas bukit tersebut (Ellesmere 1897). Kelima, Kara Mustafa Pasha sendiri tidak memiliki sebarang perancangan untuk menghadapi pasukan tambahan musuh secara terbuka kerana beliau hanya memberikan tumpuan kepada kepungan terhadap kota sahaja (Miller 2008).

Berdasarkan keterangan di atas, jelaslah bahawa aspek strategi dan taktik peperangan telah gagal dipenuhi oleh pasukan °Uthmaniyyah dalam kedua-dua ekspedisi pengepungan kota Vienna. Walhal, aspek ini sangatlah penting bagi menjayakan satu-satu kempen ketenteraan sebagaimana yang telah dicapai oleh Sultan Mehmed II dengan kejayaan baginda membuka kota Constantinople pada 29 Mei tahun 1453M.

ANALISIS KEGAGALAN SERTA KAITANNYA DENGAN *SUNNATULLAH* DAN *SYARIATULLAH*

Mengakhiri perbincangan ini, pengkaji ingin menghubungkan analisis yang telah dilakukan dengan kerangka konsep *sunnatullah* dan *syariatullah* bagi membuktikan bahawa segala peristiwa yang terjadi dalam sejarah itu memiliki perkaitannya dengan kekuasaan dan hukum Tuhan. Ibn Taymiyyah (1984) dalam hal ini menyatakan bahawa:


“Berkenaan hal ini, maka segala kisah-kisah terdahulu adalah menjadi pengajaran bagi kita semua. Sekiranya kita mengkiaskannya, maka tidaklah kisah-kisah tersebut dapat menjadi pengajaran. Hal ini disebabkan oleh pengajaran itu dapat diperolehi apabila menghukumkan sesuatu dengan hukum yang telah ada sebagaimana perumpamaan-perumpamaan yang diberikan di dalam al-Quran.”

Dalam hal ini, al-Sallabi (2003) menjelaskan bahawa pembacaan terhadap sejarah dengan baik dapat membantu untuk mengetahui tentang suatu yang dikenali sebagai *al-sunan al-rabbaniyyah*. Dengan mengetahuinya, akan membantu pula untuk mengetahui perintah-perintah Allah s.w.t yang menyeru hamba-Nya supaya meneliti (*tadabbur*), berfikir (*tafkir*) dan memerhati (*taammul*) akan sunnah-sunnah-Nya. Justeru, beliau telah membahagikan *al-sunan al-rabbaniyyah* ini kepada dua bahagian iaitu *al-sunan al-khariqah* iaitu sunnah yang diluar batas keupayaan manusia dan *al-sunan al-jariah* iaitu sunnah yang berada dalam lingkungan keupayaan manusia. Manakala, *al-sunan al-jariah* ini pula terbahagi kepada dua pula iaitu yang berkait dengan perkara alam tabi'i (*muta'alliq bi umur al-tabi'iyah al-kawniyyah*) dan yang berkait dengan perkara syariat meliputi perintah dan larangan Allah (*muta'alliq bi umur al-syar'iyah*).

Perkara ini bertepatan dengan huraian Syaari (2011) berkenaan konsep *sunnatullah* dan *syariatullah*. Beliau mengatakan:

Hukum Allah terbahagi kepada dua iaitu pertama apa yang tersurat dengan jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah iaitu syariah. Kedua, apa yang tersirat di sebalik kejadian-kejadian alam iaitu hukum alam atau *sunnatullah*. Justeru, syariah adalah hukum Allah dalam perkara-perkara yang jelas hukumnya. Manakala *sunnatullah* pula adalah hukum alam dan penggiliran peradaban yang ditetapkan Allah.


Menurut Syaari (2011) lagi, untuk mengetahui kewujudan kedua-dua *sunnatullah* dan *syariatullah* ini adalah memerlukan kepada seseorang itu untuk mendalami ilmu sains mahupun sosial. Justeru, ia dapat dirumuskan sebagaimana rajah di bawah:



Rajah 1 Pembahagian *al-Sunan al-Rabbaniyyah*.

Sumber: al-Sallabi (2003).

Berikut merupakan analisis faktor kegagalan ekspedisi pembukaan kota Vienna kali pertama dan kedua berpandukan kerangka konsep *al-Sunan al-Rabbaniyyah* sebagaimana yang ditunjukkan melalui Rajah 2 dan Rajah 3 di bawah.



Rajah 2 Kerangka Konseptual Analisis Faktor Kegagalan Ekspedisi Pembukaan Kota Vienna Kali Pertama dan Kedua.

Sumber: Pengkaji (2019).

| Bahagian Pertama | Bahagian Kedua |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan Pasukan. • Kelengkapan Perang. • Strategi dan Taktik Peperangan. | <ul style="list-style-type: none"> • Cuaca. |
| Syariatullah | Sunnatullah |
| <p>Firman Allah s.w.t:</p> <p>وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهٖ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَأَخْرَيْنَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٤٠﴾</p> <p>Maksudnya:</p> <p><i>Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan</i></p> | <p>Firman Allah s.w.t:</p> <p>لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ</p> <p>Maksudnya:</p> <p><i>(Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-masing.</i></p> <p>(Surah Yasin 36: 40)</p> |

| | |
|---|------------------------|
| <p><i>disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya.</i></p> <p>(Surah al-Anfal 8: 60)</p> | |
| <p>Ekspedisi Pembukaan</p> | |
| <p>Pertama (1529M) dan Kedua (1683M)</p> | <p>Pertama (1529M)</p> |

Rajah 3 Analisis Kegagalan Menurut Kerangka *Sunnatullah* dan *Syariatullah*.

Sumber: Pengkaji (2019)

Melalui Rajah 2 juga dapat kita fahami bahawa ketiga-tiga faktor kegagalan tersebut iaitu pertama; kepimpinan pasukan dapat difahami sebagai perlunya seorang pemimpin yang berwibawa dan berkarisma dalam sesuatu organisasi bagi mencapai sesuatu tujuan. Kedua; faktor kelengkapan perang pula dapat difahami sebagai keperluan dari aspek material. Tanpanya, sesuatu matlamat itu tidak dapat dilaksanakan. Akhir sekali ialah faktor strategi dan taktik peperangan yang dapat dikaitkan dengan sesuatu yang sangat penting dan diperlukan sebelum melakukan apa-apa tindakan. Ia adalah idea. Sungguhpun begitu, disebalik kesungguhan dalam mencapai ketiga-tiga perkara ini, janganlah sesekali dilupakan faktor kekuasaan Allah s.w.t sebagai Pencipta Alam ini sebagaimana faktor cuaca yang menjadi penghalang kepada usaha pembukaan kota Vienna pada kali pertama. Manusia hanya mampu merancang namun Allah s.w.t jualah yang menentukannya. Manakala menerusi Rajah 3, dapat juga kita simpulkan bahawa tiga faktor kegagalan ekspedisi ini baik yang pertama mahupun yang kedua adalah tergolong dalam kerangka syariatullah. Baki satu faktor iaitu faktor cuaca pula tergolong dalam kerangka sunnatullah yang hanya berkait dengan ekspedisi pembukaan yang pertama sahaja.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengkaji telah menganalisis peristiwa kegagalan ekspedisi pembukaan kota Vienna oleh Dawlah °Uthmaniyyah yang telah berlaku sebanyak dua kali itu menerusi dua fokus utama. Fokus yang pertama ialah menerusi analisis faktor kegagalan. Manakala fokus yang kedua ialah analisis kegagalan tersebut dengan kerangka konsep *sunnatullah* dan *syariatullah*. Maka, jelaslah di sini bahawa kedua-dua analisis ini telah membawa kepada satu keterkaitannya antara satu sama lain. Kesemua faktor kegagalan tersebut hakikatnya tergolong dalam kerangka *sunnatullah* dan *syariatullah* yang mana kita sebagai umat Islam perlu imani. Mudah-mudahan melalui kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu kita memahami peristiwa yang bersejarah ini tanpa mengeneipkan unsur-unsur yang ada dalam *al-Sunan al-Rabbaniyyah* sebagaimana yang telah dibincangkan dan sekaligus dapat mengambil sebanyak mungkin pengajaran daripadanya.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, Muhammad Syaari. 2011. *Kuasa Kepimpinan al-Fateh*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Ahmad bin Zaini Dahlan. 1997. *Al-Futuhat al-Islamiyyah ba'd Mudhi al-Futuhat al-Nabawiyyah*. Bayrut: Dar Sadir.
- Ahmad Fawzi bin Mohd Basri, Mohd Fo'ad bin Sakdan & Azami bin Man. 2009. *Buku Teks Sejarah Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmed Akgunduz & Said Ozturk. 2011. *Ottoman History; Misperceptions and Truths*. Rotterdam: IUR Press.
- Al-Sallabi, °Ali Muhammad Muhammad. 2003. *Safahat Musyriqah min al-Tarikh al-Islami*. Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- André Clot. 2012. *Suleiman the Magnificent*. Terj. London: Saqi Books.
- Andrew Wheatcroft. 2008. *The Enemy at the Gate Habsburgs, Ottomans and the Battle for Europe*. New York: Basic Books.
- Feridun Emecen. 2013. *Sulaiman al-Qanuni Sultan al-Barraini wa al-Bahraini*. Terj. Al-Qahirah: Dar al-Nail li al-Thiba'ah wa al-Nasyr.
- Gábor Ágoston. 2019. Ottoman and Habsburg Military Affairs in the age of Süleyman the Magnificent. Dlm. Pál Fodor (pnyt.). *The Battle for Central Europe: The Siege of Szigetvár and the Death of Süleyman the Magnificent and Nicholas Zrínyi (1566)*, hlm. 287-307. Leiden: Brill Publishers.
- Hasan Mu'nis. 2001. *Al-Tarikh wa al-Muarrikhun*. Qahirah: Dar al-Rasyad.
- Heike Krause & Christoph Sonnlechner. 2018. Landscape and Fortification of Vienna after the Ottoman Siege of 1529. *The Hungarian Historical Review* (7)3: 451-476.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin °Abd al-Halim. 1984. *Jami' al-Rasail*. Jeddah: Dar al-Madani.
- John Stoye. 2006. *The Seige of Vienna; The Last Great Trial Between Cross & Crescent*. New York: Pegasus Books LLC.
- M. Mehdi İlhan & Yaşar Yücel. 1991. *Sultan Suleyman The Grand Türk*. Ankara: Türk Tarih Kurumu.
- Simon Millar. 2008. *Vienna 1683; Christian Europe Repels the Ottomans*. Oxford: Osprey Publishing.
- The Earl of Ellesmere. 1879. *The Sieges of Vienna by the Turks*. Terj, London: William Clows and Sons.